

INSTITUSI PONDOK DALAM SISTEM PENDIDIKAN ISLAM DI MALAYSIA

Mohammad Wahyudi
IAIN Madura
mohwahyudi96@gmail.com

Abstract

Pondok recitation is an Islamic-based teaching institution that has developed rapidly in the Malay world, especially in Malaysia. It is the earliest formal place of study established by its founders following the strength of the Islamic religion at that time so as to form one organization in a certain area. This writing aims to determine the contribution of the institution Pondok in the Islamic education system and the history of its development. This study uses the method bibliography consisting of references to journals, articles, books and related theses cottage institution. The results of the study found that the pondok institution had an impact on development of the early Islamic education system in Malaysia. In addition, the institution of the cottage also gave birth many respected Ulama figures, especially in the field of Islamic education and also in in other fields such as art and politics where there are many scholars contribute in their respective fields of expertise.

Keyword: *Development of Pondok Institute, Contribution of Pondok Institute in Islamic Education*

Abstrak

Pengajian pondok merupakan satu institusi pengajian berteraskan Islam yang telah berkembang pesat di alam Melayu khususnya di Malaysia. Ia merupakan tempat pengajian formal yang terawal dibentuk oleh pengasasnya mengikut kekuatan pegangan agama Islam pada masa itu sehingga terbentuknya satu organisasi di dalam kawasan tertentu. Penulisan ini bertujuan untuk mengetahui sumbangan institusi pondok dalam sistem pendidikan Islam dan sejarah perkembangannya. Kajian ini menggunakan metod kepustakaan yang terdiri daripada rujukan jurnal, artikel, buku-buku dan tesis yang berkaitan dengan institusi pondok. Hasil kajian mendapati bahawa institusi pondok telah memberi kesan terhadap perkembangan sistem pendidikan Islam awal di Malaysia. Selain itu, institusi pondok juga melahirkan ramai tokoh-tokoh Ulama yang disegani khususnya di dalam bidang pendidikan Islam dan juga di dalam bidang-bidang yang lain seperti kesenian dan politik yang mana ulama tersebut telah banyak memberi sumbangan dalam bidang kepakaran masing-masing.

Kata Kunci: *Perkembangan Istitut Pondok, Sumbangan Institut Pondok dalam Pendidikan Islam*

PENDAHULUAN

Sistem pendidikan pondok merupakan sistem pendidikan formal Islam terawal yang mula diperkenalkan di Alam Melayu. Ia diwujudkan bagi memenuhi tuntutan masyarakat Islam yang memerlukan bimbingan yang sempurna dan mendalam terutama hal yang berkaitan dengan akidah dan ibadah. Menurut Abdullah Ishak (1992), peringkat pertama pendidikan Islam tidak formal hanya dapat dipelajari di surau, masjid dan juga rumah guru. Sambutan yang menggalakkan daripada masyarakat untuk lebih mendalami ilmu-ilmu Islam menyebabkan rumah guru terpaksa diperluaskan malah rumah-rumah kecil yang dikenali sebagai pondok turut dibina di sekitar surau, masjid atau rumah guru sendiri

untuk menyelesaikan masalah kediaman pelajar khususnya yang datang dari tempat yang jauh. Suasana ini telah melahirkan satu bentuk sistem pengajian baru yang terkenal dengan gelaran sistem pendidikan pondok.

Sistem pengajian pondok bermula sejak awal kedatangan Islam ke Tanah Melayu pada kurun ke-19 Masihi. Ia merupakan kaedah alternatif masyarakat Melayu di Malaysia menuntut ilmu khususnya di dalam bidang agama. Sistem pengajian ini terus berkembang maju di beberapa negeri seperti Kelantan, Terengganu, Kedah, Pulau Pinang, Perak dan Negeri Sembilan. Luqman Yusuf (2000) menjelaskan melalui sistem pengajian ini masyarakat Melayu lebih memahami hukum hakam, akidah dan masalah-masalah yang berhubung dengan Islam. Kerana itu, sistem pengajian pondok di Malaysia sudah tidak asing lagi dalam kalangan masyarakat Melayu.

METODE PENELITIAN

Penelitian ini dilaksanakan dengan metode penelitian studi literatur atau kajian kepustakaan, peneliti mengumpulkan data penelitian dari beberapa literatur yang relevan dengan objek kajian penelitian. Kajian kepustakaan meneliti dan menganalisis maklumat dari bahan ilmiah seperti buku, jurnal dan artikel. Objek kajian peneliti fokus pada bagaimana sistem pendidikan islam di Malaysia. Hasil pengumpulan beberapa literatur dan pengolahan data serta interpretasi peneliti memperoleh analisis kandungan yang akan dijadikan sumber sokongan bagi perbincangan penulis untuk mengkaji dengan lebih terperinci pada bagian sub bab hasil dan pembahasan.

HASIL DAN PEMBAHASAN

Perkembangan institusi pondok

Institusi pondok merupakan institusi pendidikan tradisional bagi masyarakat Melayu yang bertahan lebih satu abad. Sebenarnya institusi ini adalah kesinambungan pengajaran agama yang dijalankan di masjid dan surau. Para pelajar yang tamat belajar di sesebuah sekolah pondok akan berpindah ke pondok lain untuk menimba ilmu pengetahuan baru. Terdapat juga pelajar yang berpeluang melanjutkan pelajaran di Timur Tengah. Institusi pondok mempunyai ciri-cirinya yang unik dan tersendiri sesuai dengan keperluan masyarakat pada masa tersebut.

Dari wilayah Patani pendidikan Islam berkembang ke wilayah-wilayah di pantai timur dan utara Semenanjung Tanah Melayu seperti di Kelantan, Terengganu, Kedah, Perlis dan Pulau Pinang (Awang 2006). Faktor kedudukan yang berhampiran atau bersempadan dengan daerah Thailand selatan menyebabkan perkembangan institusi sekolah pondok di Semenanjung Malaysia berkembang pesat dan tertumpu di negeri-negeri ini. Di Kelantan misalnya, Islam diterima dengan mudah kerana pada ketika itu negeri ini berada dibawah pemerintahan kerajaan Patani. Begitu juga dengan penerimaan dan perkembangan awal Islam di negeri Kedah turut mempunyai hubung kait besar dengan kedudukannya yang berhampiran Patani. Malah, terdapat fakta sejarah yang mengatakan bahawa perkembangan sekolah pondok di negeri ini dipengaruhi oleh dua negara iaitu, Indonesia dan Patani. Pada hari ini, dianggarkan terdapat lebih daripada 100 buah institusi sekolah pondok yang telah berdiri di Semenanjung Malaysia. Di Kelantan sahaja terdapat 39 buah sekolah pondok terkemuka misalnya, Pondok Addiniah Al-Bakriah yang terletak di Pasir Tumboh, Pondok Lubok Tapah di Pasir Mas, Pondok Sungai Durian di Kuala Krai, Pondok Geting di Tumpat dan lain-lain. Di Kedah, Perlis dan Pulau Pinang, terdapat hampir 30 buah sekolah pondok beroperasi di negeri ini. Antaranya ialah, Pondok Telaga Panchor di Baling, Pondok Ahmad Nahu di Sik dan Pondok Permatang Nibong di Jitra. Terdapat juga sekolah pondok yang didirikan di negeri-negeri bahagian selatan Semenanjung seperti di Johor, Negeri Sembilan dan Melaka. Walau bagaimanapun, jumlahnya relatif sedikit jika

dibandingkan dengan pondok di bahagian utara dan pantai timur. Di Terengganu misalnya, terdapat lebih kurang dua belas sekolah pondok seperti Pondok Darussalam, Pondok Paku, Pondok Lubuk Pandan dan lain-lain.

Sistem pengajian pondok

Institusi pondok membentuk satu komuniti tersendiri yang dibangunkan di atas sekeping tanah kepunyaan guru atau tanah wakaf atau dibeli bersama-sama oleh orang kampung. Rumah guru biasanya didirikan di bahagian tengah kawasan tersebut untuk memudahkan guru memantau para pelajar. Berhampiran dengan rumah guru didirikan bangunan tempat belajar dan tempat untuk sembahyang jemaah.

Di sekitar kawasan tersebut, pondok kediaman para pelajar didirikan. Pondok-pondok ini dibina berdekatan, berjarak 1.5 meter di antara satu pondok dengan pondok lain. (Awang Had 1997). Pada umumnya sesebuah pondok dikendalikan oleh seorang guru. Akan tetapi bagi pondok yang besar, guru biasanya dibantu oleh beberapa orang pembantu yang terdiri daripada murid lama yang menjadi harapan guru. Mereka diberi kepercayaan oleh guru untuk menjalankan kegiatan pengajaran dan pembelajaran di samping mengawasi dan mentadbir kawasan pondok. Mereka juga menggantikan guru untuk mengajar apabila guru tiada atau uzur. Biasanya, mereka ditugaskan untuk mengajar satu kumpulan pelajar di samping membimbing para pelajar tersebut untuk memahami pelajar yang disampaikan oleh guru. Mereka ini dikenali sebagai Kepala Telaah (Abdul Ishak 1995).

1. Kurikulum pendidikan pondok

Seperti institusi pendidikan yang lain, kurikulum pondok juga berubah dari masa ke semasa tetapi tetap berlandaskan ajaran Islam. Perubahan kurikulum ini berlaku akibat daripada perubahan guru atau pertambahan ilmu guru. Mata pelajaran yang diajar di kebanyakan pondok termasuklah nahu, saraf, fikah, tauhid, tasawuf dan akhlak. Namun begitu, terdapat perbezaan di antara sesebuah pondok dengan pondok yang lain. Walau pun pengajian pondok tidak didasarkan pada kenaikan darjah, secara kasar sistem pengajian boleh dibahagi kepada tiga peringkat, iaitu permulaan, pertengahan dan tinggi (Abdullah Ishak 1995).

Pada peringkat permulaan, para pelajar belajar menulis dan membaca jawi, membaca al-Quran, belajar asas-asas agama, belajar ilmu Nahu dan Saraf. Antara kitab yang dipelajari dalam bidang Fikah ialah Kitab Maniyatal-Musalli dan Perukunan. Kitab yang dipelajari untuk bidang Usuluddin termasuklah Hidayat al-Sibyan, Dhiyaul-Marid dan al-Durr al-Thamim. Manakala kitab yang digunakan dalam bidang Nahu dan Saraf termasuklah Matn al-Jurumiah dan Tasrif al-'Azzi.

Pada peringkat pertengahan, pelajaran yang diajar lebih mendalam daripada peringkat permulaan. Antara kitab yang dipelajari dalam bidang Fikah ialah Furu' al-Masail, Sabil al-Muhtadin dan Matla' al-Badrain wa Majmu' al-Bahrin. Dalam bidang Usuluddin, antara kitab yang digunakan termasuklah Bidayah al-Hidayah, Faridat al-Faraid, Minhaj al-Qarib dan Akidah al-Najin.

Pada peringkat tinggi, ilmu yang dipelajari lebih meluas dan mendalam dengan memberi jpenumpuan kepada kitab-kitab berbahasa Arab. Antara kitab yang dipelajari dalam Fikah ialah Hasyiah al-Bajuri, Hasyiah al-Khudri, al-Iqna', al-Azkar Fath al-Wahab. Dalam bidang Usuluddin pula, antara kitab yang dipelajari ialah Hasyiah al-Sharqawi, Hasyiah al-Bjuri, Syarh al-Rasyid dan Hasyiah 'ala Syarh Imam al-Hudhud. Dalam bidang tasawwuf, anatara kitab yang digunakan ialah ihya' 'Ulum al-Din, Bidayah al-Hidayah, Minhaj al-Aidin, al-Hikam dan Tanbih al-Ghafilin.

2. Kaedah pembelajaran di pondok

Menurut Suhanim Abdullah (2014) kaedah pembelajaran yang digunakan di pondok adalah sama seperti kaedah yang dijalankan di Masjidil Haram. Sewaktu belajar, murid-murid dikehendaki duduk bersila dalam satu bulatan yang hampir tertutup. Bahagian yang terbuka itu ialah untuk guru. Tempat guru itu biasanya berlapik dengan hamparan. Setelah itu guru mengajar dengan menggunakan teknik syarahan dan merujuk kepada sebuah kitab. Setiap murid akan membuka catatan pada ruangan kosong yang disediakan di tepi halaman kitab. Biasanya guru akan membaca kitab itu dalam bahasa Arab dan kemudiannya menerangkan dalam bahasa Melayu. Kaedah ini dikenali sebagai halaqah atau sistem umumi (Awang Had 1997). Menurut Abdullah Ishak (1995),

Kebiasaan guru menggunakan sepenuh masa memberi kuliah tanpa ruang dan masa untuk soal jawab. Kaedah soal jawab akan dijalankan oleh pembantu guru yang dikenali sebagai 'kepala telaah'. Pelajaran yang diajar bukan mengikut sukatan tertentu tetapi mengikut kitab. Apabila tamat sesebuah kitab, murid-murid akan diajar kitab yang lain pula. Apabila sesebuah kitab berjaya dihabiskan, perkara ini menunjukkan bahawa para pelajar telah mencapai peningkatan dalam pengajian mereka.

A. Faktor Kemunculan Institusi Pondok

Di negara-negara Timur Tengah seperti Iraq, Syria dan Mesir, kewujudan madrasah adalah hasil daripada perebutan kuasa atau pergelutan politik. Ancaman fahaman Syiah di bawah kekuasaan Bani Buwaih dan kerajaan Fatimiah telah menimbulkan tindak balas golongan Sunni di bawah kekuasaan Bani Saljuk. Menurut Abdul Rahman Abdullah, Bani Buwaih berasal dari keturunan Abu Syujuk Buwaih yang berketurunan Parsi. Anaknya Ahmad berjaya menguasai Baghdad pada 945 Masihi daripada orang-orang Turki. Beliau menghidupkan semula tradisi Syiah yang ternyata berbeza daripada pegangan khalifah al-Mustaqqfi dari Bani Abbasiyah (Abdul Rahman Abdullah 2007).

Kerajaan Bani Saljuk telah menubuhkan madrasah-madrasah bagi menentang fahaman Syiah dan memperluaskan lagi kefahaman mazhab Ahlul Sunnah wal Jamaah. Sebagai tindak balas, golongan Syiah telah menubuhkan madrasah-madrasah mereka sendiri. Sebaliknya, walaupun pondok telah ditubuhkan di Alam Melayu hasil daripada pergolakan politik, tetapi ia adalah berbeza dengan situasi yang berlaku di Timur Tengah. Di Alam Melayu, tidak berlaku perebutan kuasa disebabkan oleh fahaman keagamaan (mazhab), sebaliknya hanya disebabkan oleh perebutan wilayah atau perebutan takhta.

Menurut William R. (1997), pondok muncul dengan banyaknya pada abad ke-19 Masihi di utara Tanah Melayu disebabkan oleh faktor pergolakan politik di negara jiran iaitu Pattani. Pergolakan politik yang berlaku di Pattani adalah berbeza dengan pergolakan politik Timur Tengah. Di timur tengah perebutan kuasa berlaku antara dua mazhab (Sunni dan Syiah) yang menganut agama yang sama (Islam). Sebaliknya di Pattani berlaku penentangan orang Melayu Petani yang beragama Islam terhadap kerajaan Siam yang beragama Buddha. Terdapat rakyat Pattani termasuk ulama terpaksa meninggalkan negara mereka dan berhijrah ke Timur Tengah dan ke negeri-negeri jiran termasuk Kedah, Kelantan dan Terengganu.

Selain penghijrahan keluar, terdapat ulama-ulama Pattani yang sedang belajar di Mekah seperti Sheikh Daud al-Fatani dijemput pulang. Keadaan masyarakat Melayu yang dijajah oleh pemerintahan Siam telah memberi kesedaran kepada para ulama Pattani untuk kembali ke tanah air bagi membela nasib masyarakat. Melalui pendidikan, mereka berusaha menanamkan kesedaran dalam kalangan masyarakat untuk bersatu-padu atas semangat keislaman. Dengan itu, tumbuh banyak pusat-pusat pengajian yang akhirnya dikenali sebagai pondok.

Kekalahan rakyat Pattani terutama selepas pemberontakan 1831-1832 Masihi menyebabkan banyak ulama dan pelajar pondok berhijrah ke negerinegeri jiran terutamanya Kedah, Kelantan, dan Terengganu. Mereka meneruskan usaha memperkukuhkan perjuangan orang Melayu meneruskan usaha memperkukuhkan perjuangan orang Melayu dan agama Islam.

Setelah British campur tangan, pendidikan sekular mula diperkenalkan secara meluas di negeri-negeri Melayu. Banyak sekolah vernakular Melayu dan Inggeris telah dibina. Para Ulama merasakan penubuhan sekolah-sekolah tersebut boleh mengancam agama Islam dan perpaduan orang Melayu. Oleh itu, mereka berusaha dengan bergiat untuk mewujudkan sekolah-sekolah pondok bagi menentang ancaman itu. Oleh sebab itu, sejak awal tahun 1900 Masihi hingga sebelum Perang Dunia Kedua, sekolah-sekolah pondok telah berkembang dengan pesatnya terutama di Kedah dan Kelantan.

B. Peranan Pondok dalam Masyarakat

a. Institusi pengajian islam

Pondok merupakan pusat pendidikan Islam yang diasaskan di atas dasar iman dan takwa. Ia juga memberi penekanan bagi melahirkan individu-individu muslim yang berilmu pengetahuan. Menurut Asma' Wardah Surtahman (2009) dengan pola kehidupan dalam pengajian pondok yang unik ia mampu bertahan selama berabad-abad untuk mempraktikkan nilai-nilai hidup tersendiri. Bermula daripada sebuah surau untuk aktiviti ibadat dan pengajaran, pondok kemudian berkembang menjadi sebuah lembaga masyarakat yang memainkan peranan yang dominan. Menurut Muhammad Othman el-Muhammady (1990), beliau menyatakan bahawa tujuan pendidikan pondok adalah untuk menjayakan beberapa perkara pokok dalam ajaran dan konsep hidup Islamiah itu sendiri iaitu menyampaikan aqidah Islamiyah berdasarkan ilmu Tuhid dan Usuluddin. Justeru itu, Islam menonjolkan prinsip-prinsip yang ideal dalam Pendidikan Islam. Antaranya ialah mengajar manusia berfikir bebas dan berdikari dalam pembelajaran serta mengamalkan sistem terbuka dan bebas dalam pengajaran dan sistem pelajaran (Sobri Salamon 1988) .

b. Institusi pentarbiah insan

Peranan pondok secara keseluruhan ialah memupuk kehidupan beribadat kepada Allah s.w.t di dalam rangka syariat mutahharah dan berdasarkan kepada adab-adab daripada sunnah Nabi s.a.w. Ini kerana pokok pangkal hidup 'ubudiyah yang dipupuk itu adalah berdasarkan kepada rukun Islam yang lima dan amalan-amalan sunnah (Sobri Salamon 1988). Selain itu, para pelajar didedahkan kefahaman tentang keperibadian Islam sebenar dalam jiwa mereka melalui kehidupan ruhhiyah yang mendalam berdasarkan insan yang kamil, akhlak-akhlak dan adab-adab Islamiyah. Justeru itu, ia dapat memberi impak yang positif dalam menghasilkan pelajar yang berkualiti dan berperbadi mulia. Di samping itu, Allah tidak mendorong manusia ke arah kemajuan di dalam bidang ilmu pengetahuan yang bersifat kebendaan semata-mata, tetapi juga dalam bidang spiritual (kerohanian). Ini bersesuaian dengan peranan pondok atau madrasah yang sering dikaitkan dengan ilmu tasawuf kepada pelajarpelajarnya.

c. Melahirkan tokoh melayu yang berjiwa islam

Di dalam sejarah penyebaran Islam di rantau Nusantara, wilayah Patani telah menjadi pusat tamadun Islam terbesar (Hamidong 1993). Hal ini demikian kerana, Patani telah menempatkan banyak institusi pendidikan pondok serta memiliki jumlah ulama berilmu tinggi yang ramai. Nama-nama seperti Shaykh Dawud, Shaykh Ahmad, Shaykh Zayn al-Abidin bin Muhammad alFatani dan Shaykh Muhammad bin Ismail Dawud adalah antara

ulama yang telah memberi sumbangan besar dalam mengangkat Patani sebagai pusat tumpuan pendidikan Islam (Madmarn 2002).

Selain itu pengajian pondok di Kelantan juga turut dipelopori oleh golongan ulama' terkenal yang penyambung pengajian mereka di Mekah. Antara mereka yang terkenal itu ialah Haji Wan Abdul Samad Muhd. Salleh (Tuan Tabal, 1840-1891) dan Haji Wan Ali Abdul Rahman Khutam (1837-1912) (Alwi Haji Hassan 2006.). Kedua-dua mereka bukan sahaja memberi pendidikan kepada masyarakat, mengarang dan menterjemah kitab-kitab agama tetapi turut memainkan peranan penting dalam menjadikan Kota Sahru sebagai pusat tumpuan para penuntut dari segenap pelusuk termasuk luar Kelantan pada akhir abad ke-19. Antara murid mereka yang telah menyambung kegiatan dalam bidang agama ialah Hj. Mohd Yusof bin Ahmad atau Tok Kenali.

C. Sumbangan Pondok dalam Sistem Pendidikan Masa Kini

Sistem pendidikan pondok masih kekal dengan unsur tradisinya hingga ke hari ini. Arus pemodenan semasa yang melanda dunia ini tidak menghalang pendidikan pondok terus berkembang dengan sempurnanya. Oleh itu, sistem ini telah banyak melahirkan pelajar yang berakhlak mulia dengan ilmu-ilmu agama yang mereka pelajari meliputi usuluddin, tasawwuf, fiqh, mantik dan sebagainya.

Para pelajar pondok juga selain daripada menjalankan kegiatan utamanya iaitu belajar, mereka juga turut menjalankan pelbagai kegiatan yang berbentuk kemasyarakatan. Hal ini memberi gambaran bahawa, keberadaan institusi pondok tidak terlepas daripada keharusannya untuk menjalankan tanggungjawab-tanggungjawab sosial. Para pelajar pondok pada kebiasaannya akan mengikuti pelbagai kegiatan seperti menunaikan solat jenazah, membaca tahlil, mengimamkan solat Jumaat dan pelbagai kegiatan lain atas permintaan masyarakat setempat (Hashim, Rufai & Mohd Nor 2011). Keadaan ini yang diamalkan sekian lama secara tidak langsung telah mewujudkan hubungan simbiosis atau hubungan saling memerlukan antara masyarakat sekitar dengan sekolah pondok.

Tambahan lagi, solidariti tempatan daripada masyarakat pondok antara sesama mereka serta masyarakat luar juga dapat dilihat melalui sikap toleransi yang ditunjukkan mereka kepada kehadiran masyarakat luar ke dalam pondok. Kebanyakan sekolah pondok di negara ini turut berfungsi sebagai tempat perlindungan. Menurut Tsubouchi and Tsubouchi (1993), institusi sekolah pondok terutamanya di negeri Kelantan kekal wujud sehingga hari ini adalah disebabkan oleh fungsinya yang telah dipelbagaikan sebagai tempat perlindungan kepada mereka yang memerlukan.

Sistem pembelajaran pondok menekankan kepada pembelajaran talaqqi musyafahah iaitu berdepan dengan guru. Walaupun begitu, pembelajaran yang diajar dalam institusi pondok dapat dikuasai oleh pelajarnya sedangkan silibus pembelajaran yang diajar dalam institusi pondok adalah tinggi. Daripada sini, dapat dilihat bahawa kaedah pembelajaran yang digunakan berkesan walaupun ia merupakan kaedah konservatif. Banyak sudut yang dapat dilihat iaitu guru yang menyampaikan pengajaran bukan hanya setakat menjadi sebagai mua'llim tetapi juga berperanan sebagai murabbi kepada para pelajarnya.

Di dalam pembinaan tamadun melayu yang syumul, institut pendidikan memainkan peranan yang penting. Ini kerana sistem pendidikan merupakan wadah dalam pembangunan dan perkembangan negara. Oleh itu, institut pondok yang ada pada masa kini perlu diberi nafas baru agar ia sentiasa selari dengan permintaan masyarakat.

KESIMPULAN

Institusi pondok merupakan institusi pendidikan tradisional bagi masyarakat Melayu dan mampu bertahan lebih kurang satu abad. Sistem pondok juga satu integrasi di antara sistem pengajian di masjid dengan sistem pengajian madrasah. Pendidikan pondok seolah-olah sebuah halaqah yang terdapat dalam sesebuah masjid. Institusi tersebut telah melahirkan ramai tokoh dan Ulama yang mempunyai sumbangan dan peranan yang penting dalam tamadun sesebuah masyarakat dan bangsa. Merekalah yang mengisi minda umat Islam dengan pengetahuan dan pemikiran yang betul, justeru dapat membentuk peribadi umat yang unggul, menjadi Muslim yang beriman dan bertakwa. Di Malaysia, para ulama telah turut terlibat dan memainkan peranan yang besar dalam pengisian kemerdekaan terutamanya dalam bidang pendidikan. Dalam menghadapi cabaran semasa serta memenuhi tuntutan globalisasi, sistem pendidikan pondok secara terpaksa turut berubah agar selari dengan tuntutan zaman moden. Keperluannya juga harus menepati hasrat hati masyarakat yang pada masa kini sangat terdedah dengan kecanggihan teknologi. Dengan demikian, sistem pendidikan pondok juga harus melakukan transformasi agar ia sentiasa selari dengan permintaan masyarakat.

DAFTAR PUSTAKA

- Abdul Rahman Abdullah. 2007. Sejarah dan Tamadun Islam. Alor Setar: Pustaka Darussalam Sendirian Berhad.
- Adullah Ishak. 1995. Pendidikan Islam dan Pengaruhnya di Malaysia. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Jelani. 1989. Sistem Pendidikan Melayu (Islam) Tradisional Merujuk Kepada Sistem Pendidikan Pondok di Kedah: Asal Usul dan Perkembangan Hingga 1957. Tesis Ijazah Sarjana Pendidikan, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.
- Awang Had Salleh. 1997. Pelajaran dan Perguruan Melayu di Malaya (Zaman British). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang, R. 2006. Perkembangan Institusi Pondok di Nusantara: Pengaruhnya di Negeri Kedah. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Norafifah Ab Hamid et al. 2013. Sumbangan ulama melayu dalam mengukuhkan jati diri melayu-islam. Prosiding Nadwah Ulama Nusantara (NUN) dan Cabaran Idealisme Semasa. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Suhanim Abdullah. 2014. Pemikiran Tokoh Ulama Banjar Kedah. Batu Pahat: Penerbitan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Tajudin Saman. 1993. Tokoh Ulama Nusantara. Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn.Bhd.
- William, R. 1974. The Origins of Malay Nationalism. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka